

Dr M minta rakyat bersatu

B.H 17 AUG 1995

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri (Dr Mahathir Mohamad, hari ini menasihatkan rakyat bersatu padu bagi mempertahankan kestabilan politik dan ekonomi dalam usaha menghalang niat buruk Barat menghancurkan negara ini.

Menurutnya, Barat hanya menungggu peluang melakukan sabotaj menerusi kegiatan mempengaruhi kos pengeluaran di samping mengeksploit kelemahan negara miskin.

Sehubungan dengan itu, katanya, rakyat hendaklah tahu cara-cara menghalang niat buruk Barat iaitu dengan menentukan negara ditadbir dengan tertib, berkesan dan stabil.

“Kita tidak dapat menolak kemungkinan itu kerana hari ini ia sudah berlaku. Ini termasuk usaha mereka meningkatkan kos pengeluaran kita, jadi kita mesti kukuhkan negara.

“Matlamat ini boleh dicapai jika kita mem u nyai hubungan perusax a an yang baik, politik stabil, pemerintah dan pentadbir yang cekap. Ini adalah barisan pertahanan kita.

“Setakat ini, sedikit sebanyak kita berjaya mengatasi walaupun kita lantang di luar negara.

Barat belum berjaya mengilas tangan kita dari belakang,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diwawancara oleh wakil-wakil media massa dalam rancangan Radio Televisyen Malaysia (RTM) ‘Bersama Perdana Menteri di Angkasapuri, malam ini.

Ditanya kelantangannya di luar negara mungkin menjejaskan pasaran barangan Malaysia, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak hanya bergantung kepada pasaran asing sebaliknya turut membesarkan pasaran tempatan.

“Kita tahu, negara yang kita kritik akan menyekat barangan kita. Lawannya ialah kita membesarkan pasaran tempatan, sebab itu kita menggalakkan kepelbagaian industri. Sebagai contoh, industri pelancongan,” katanya.

Menurutnya, industri pelancongan kini menjadi satu industri yang besar sehingga boleh mengubah taraf hidup rakyat di samping meningkatkan keseluruhan pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, beliau berkata, Malaysia juga kini tidak lagi menumpukan perhatian terhadap pasaran tradisional seperti Eropah, Amerika dan Jepun sebaliknya meneroka negara-negara Selatan.